



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA

Lembaga Koko Malaysia mempelawa permohonan daripada warganegara Malaysia bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **SEMENTARA** di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut:-

### **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT - (Bil. Kekosongan : 2)** **[Penempatan : Ibu Pejabat LKM, Kota Kinabalu]**

- i. *Klasifikasi Perkhidmatan* : Sistem Maklumat
- ii. *Kumpulan Perkhidmatan* : Pelaksana
- iii. *Taraf Jawatan* : Sementara
- iv. *Jadual Gaji* : Gred F29

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,745.69	RM4,439.84	RM145.00

v. *Syarat Kelayakan*

- a) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred F29: RM1,745.69); **ATAU**

- b) Diploma dalam bidang kejuruteraan Elektronik (Komputer) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut-institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya:

(Gaji Permulaan ialah pada Gred F29: RM1,820.89);

- DAN** c) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman dan kemahiran untuk membangun (pemrograman) dan melaksana sistem aplikasi komputer secara profesional dengan menggunakan kaedah/teknologi IT terkini**

#### **Deskripsi Tugas :**

Bertanggungjawab dalam membangun program baru untuk sesuatu sistem aplikasi komputer, mengembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, menyelenggara sistem (sistem aplikasi, sistem operasi, sistem keselamatan, dan lain-lain yang berkaitan) dan memberi latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

### **Syarat-Syarat Permohonan**

- i) Terdiri daripada warganegara Malaysia.
- ii) Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

### **Penaklukan Di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan**

Calon-Calun yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

### **Cara Memohon**

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **borang permohonan yang boleh** dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat [www.koko.gov.my](http://www.koko.gov.my).

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Diploma, (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), SPM/SRP/PMR/Darjah 6, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **Jumaat 21 Jun 2013** ke Ibupejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH  
LEMBAGA KOKO MALAYSIA  
TINGKAT 5, 6 & 7, WISMA SEDCO,  
LORONG PLAZA WAWASAN  
OFF COASTAL HIGHWAY  
BEG BERKUNCI 211  
88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat.

Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan dan akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calun yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.